

Islah sikap masyarakat berjiran terhadap Orang Asli menurut Islam di Sungai Raia

Dr. A'dawiyah Ismail
P.M. Dr. Salasiah Hanin Hamjah
Fairuz Hafiizh Othman

Abstrak

Faktor kegagalan dakwah kepada masyarakat Orang Asli berpunca daripada beberapa aspek seperti sikap muslim yang berjiran dengan kampung Orang Asli, penampilan pendakwah dan teknik pendekatan, pengaruh kebendaan, kemudahan dan prasarana. Kertas kerja ini akan mengenalpasti sikap sebahagian masyarakat muslim yang berjiran dengan kampung Orang Asli sehingga ia meninggalkan kesan yang negatif. Ini akan menjauhkan mereka dengan muslim serta ajarannya. Tanggapan negatif ini perlu diperbetulkan dengan saranan ajaran agama berpandukan panduan al-Quran dan al-Sunnah agar dakwah dapat diteruskan ke kawasan yang kedapatan orang asli, berjinak-jinak mendekatkan diri dengan ajaran yang benar, memahami , memperaktikkan dalam kehidupan dan selamat di dunia dan di akhirat. Maklumat kertas kerja ini diperolehi secara analisis dokumen dan jawapan temu bual bersama beberapa individu yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam menjalankan dakwah terhadap orang Asli khususnya di Sungai Raia. Kesimpulannya, masyarakat muslim khususnya yang berjiran dengan penempatan kampung Orang Asli seharusnya menunjukkan akhlak dan mengislah sikap yang baik untuk dicontohi dan dihormati seterusnya mereka sukarela memeluk Islam atas dasar akidah yang benar dan dengan hati yang ikhlas bukan warna kulit, bangsa dan keturunan.

Kata Kunci: *Islah, Sikap, Masyarakat berjiran , Orang Asli*

1.0 Pengenalan

Mukim Sungai Raia adalah suatu mukim yang terletak dalam daerah Kinta. Mukim ini berada dalam pentadbiran daerah Batu Gajah dan hampir dengan ibu negeri Perak iaitu Ipoh. Penempatan asli Mukim Sungai Raia membabitkan sekitar dua belas penempatan utama yang bermula dari kampung Kerawat hingga ke Pos Slim bersempadan Cameron Highlands Pahang. Menurut Fairuz Hafiizh Othman dalam kajiannya (2014:55-56), sejumlah lima buah penempatan Orang Asli iaitu di Pos Kerawat, Pos Lalang, Pos Slim, Pos Raya dan Pos Sinju dipilih berdasarkan komposisi agama yang dianuti penduduk iaitu Islam, Kristian dan Animisme atau tidak mempunyai agama. Pemilihan penduduk orang asli dalam kertas kerja ini adalah terdiri daripada kaum Semai dan Temiar, iaitu kedua-duanya tergolong dalam kaum Senoi. Keunikan kawasan ini sangat menarik, mudah dihubungi dan mempunyai kemudahan yang dimiliki seperti air, elektrik dan jalan tar. Namun ianya membabitkan pengaruh kaum, dominasi agama di penempatan tertentu serta halangan dan cabaran sehingga menyebabkan kegagalan dan ketidakberkesanan dakwah. Untuk itu, peranan dakwah perlu diteruskan dan dilaksanakan sebaik mungkin bagi memperkenalkan agama Islam. Dakwah Islamiah bersifat jelas, terang dalam menyampaikan berita kebenaran, mengajak manusia melakukan kebaikan dan menjauhkan kemungkaran (Berhanundin Abdullah, 1997:52). Harapannya, penduduk tidak terasa asing dengan istilah-istilah ajaran agama Islam dan menyakini bahawa agama Islam adalah agama yang

benar dan terbaik untuk semua golongan termasuk golongan orang asli. Ajaran Islam juga tidak akan menyinggung mana-mana pihak dan tidak pula wujud suatu kesamaran tentang sesuatu perkara yang tidak disukai oleh golongan-golongan tertentu, malahan ia sesuai untuk setiap manusia, masa dan tempat. Istilah Orang asli menurut Kamus Dewan (1984) bererti penduduk asal sesebuah negeri, bukan orang asing atau pendatang. Istilah ini diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia bagi menggantikan perkataan *aborigin* yang dipakai oleh kerajaan Inggeris bagi menunjukkan berbagai suku kaum dalam kumpulan Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. (Abdul Ghafar Don & Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus: 2009). Selain itu, Orang asli juga penduduk peribumi tidak mempunyai takrifan yang sejagat, piawaian atau tetap tetapi ia merujuk kepada masyarakat peribumi asal yang terdapat dalam sesuatu negara, negeri, daerah ataupun tempat.

Perkembangan dakwah Islamiyyah kepada masyarakat Orang Asli bermula pada tahun 1980an apabila gerakan ini digiatkan ke kawasan pedalaman. Kebanyakan orang asli yang memeluk Islam adalah hasil usaha para pendakwah yang tidak pernah jemu dan letih dalam usaha menyebarkan Islam. Pendakwah terdiri daripada pendakwah bebas, badan kerajaan seperti JAKIM, Majlis Agama Negeri dan Badan Bukan Kerajaan (Shasumuddin:2010). Selain itu juga, faktor yang menyebabkan kemasukan orang asli ke dalam agama Islam disebabkan oleh sikap positif dan terpuji ditunjukkan oleh penganut agama Islam. Namun, agak membimbangkan apabila segelintir masyarakat setempat atau masyarakat yang berjiran dengan perkampungan Orang Asli yang terdiri daripada penganut agama Islam kurang menunjukkan sikap dan amalan terpuji yang dianjurkan oleh agama Islam sehingga menyebabkan orang asli menjauhkan diri, memandang serong terhadap ajaran Islam serta penganutnya, dan takut untuk memeluk agama Islam. Pada hakikatnya, masyarakat berjiran dengan perkampungan Orang Asli sangat berpeluang untuk berdakwah kepada masyarakat Orang asli serta menunjukkan kebaikan ajaran agama Islam menerusi sikap dan amalan-amalan Islami. Masyarakat berjiran dimaksudkan sebagai masyarakat Melayu atau Islam yang tinggal berjiran dengan perkampungan Orang asli. Mereka adalah asset atau agen utama yang boleh membantu memudahkan usaha dakwah, mampu menunjukkan contoh dalam memperkenalkan kehidupan muslim sebenar berdasarkan panduan agama Islam (Fairuz Hafiizh Othman: 2014). Selain itu, masyarakat berjiran yang terdiri daripada orang Islam berperanan menunjukkan sokongan terhadap usaha dakwah yang bertujuan untuk kebaikan semua pihak. Malangnya kedengaran bahawa orang asli lebih suka menceritakan mengenai perkara yang lebih banyak menonjolkan hal-hal negatif yang tidak menguntungkan masyarakat Islam dan dakwah sekaligus menyumbang kepada tanggapan buruk terhadap Islam dan penganutnya.

2.0 Sikap masyarakat berjiran di Mukim Sungai Raia

Masyarakat berjiran yang tinggal berhampiran penempatan orang asli di Mukim Sungai Raia ialah masyarakat yang tinggal di Kampung Tanjong yang terletak jaraknya 2 kilometer dari Kampung Juang. Masyarakat orang asli sering bergaul dengan orang Islam di Simpang Pulai melalui urusan di pasar malam, membeli barang di kedai atau pergaulan harian sepanjang mereka bekerja di kilang yang berdekatan. Daripada percampuran dan pergaulan ini memberi tanggapan

dan persepsi negatif terhadap orang Islam yang dianuti oleh masyarakat Melayu. Tidak dinafikan bahawa manusia mempunyai kelemahan seperti melampau, gelojo, cenderung melakukan kejahanan, pelupa, zalim dan sebagainya. Ini bermaksud manusia mempunyai kecenderungan melakukan maksiat (Abd. Ghafar Don, 1997:86). Dan manusia ini kadang-kadang tidak dapat berlaku adil. Firman Allah swt, maksudnya “ Sebenarnya mereka itulah orang-orang yang zalim.”(al-Nur:50). Terdapat sikap orang Islam yang tidak menghiraukan ajaran Islam sehingga melanggar peraturan yang disyariatkan.

Antara sikap orang Islam yang terdiri daripada orang Melayu yang dijadikan faktor penolakan orang asli terhadap Islam dan tidak suka kepada ajaran dan penganutnya. Hasil temubual ringkas dengan penduduk adalah seperti berikut:

i. Tidak menunaikan janji

“Mereka memajak atau membeli buah-buahan secara berhutang dan berjanji untuk membayar hutang tetapi tidak membayar hutang apabila sampai masanya”.

ii. Tidak berlaku adil

“Sikap segelintir orang Melayu yang suka memperdaya dan memanipulasi hasil hutan seperti jual beli durian, rebung, buluh dan hasil hutan yang lain sedikitpun tidak dikongsi keuntungan bersama”.

iii. Tidak berakhhlak

“Orang-orang Melayu yang tinggal berjiran tidak mengambil perhatian yang sewajarnya terhadap mereka, tidak tolong menolong dan memandang hina kepada Orang Asli.”

iv. Mengusik anak dan isteri

“Ketika melalui kampung berjiran, terdapat kalangan anak dan isteri masyarakat orang asli di sini diusik dengan cara mengeluarkan kata-kata mengiurkan dan perbuatan yang tidak senonoh. Lebih dahsyat lagi ada yang mengambil kesempatan untuk berkhalwat di tempat-tempat yang sunyi dan mengadakan hubungan sulit.. ”

v. Tidak berpuasa

“Segelintir masyarakat berjiran tidak berpuasa pada bulan Ramadhan, mereka makan dan minum di hadapan orang asli yang belum Islam, merokok dan makan di kedai-kedai bukan Islam tanpa perasaan malu”.

vi. Mencuri buah-buahan dan tanam-tanaman serta merosakkan harta benda

“Dua hari selepas penduduk Orang asli sejumlah tiga puluh keluarga di Kampung Paya Bendur memeluk Islam, berlakulah kecurian dan kerosakan harta benda yang dipercayai dilakukan oleh pemuda-pemuda Melayu yang tinggal di kampung berhampiran. Contohnya merosakkan tanaman yang belum masak.”

vii. Tidak perihatin dan memberi pertolongan

“Mereka tidak menunjukkan persefahaman dan kerjasama apabila orang asli ditimpa kecemasan atau kesusahan, sebaliknya diselesaikan oleh orang asli sendiri.”

viii. Memandang jijik terhadap hasil usaha

“Orang Melayu memandang jijik terhadap Orang Asli sehingga tidak mahu makan makanan mereka”.

ix. Tidak mahu memberi tunjuk ajar dalam soal-soal agama

“Terdapat juga orang Melayu yang tidak memberi tunjuk ajar dalam soal-soal agama dan aspek-aspek lain kepada mereka.”

3.0 Islah sikap masyarakat berjiran menurut Islam dan masa depan Orang Asli

Uslub dakwah melalui sikap atau pendirian yang berhikmah dapat memperbaiki sikap *mad'u* (sasaran dakwah) sehingga meninggalkan perubahan berkesan dalam kehidupan keinsanannya. Contoh sikap yang ditunjukkan oleh para sahabat, tabiin dan pendakwah dengan uslub hikmah yang dijalankan dengan pengetahuan dan sikap yang lemah lembut. Dakwah menerusi sikap yang disebut memperbaiki atau mengislahkan sikap merujuk kepada pendirian Nabi Ibrahim a.s terhadap bapanya dijelaskan dalam al-Quran dalam surah Maryam ayat ke 41-47 (Ideris Endot, 1995:115-117).

Pelbagai permasalahan yang ditimbulkan oleh segelintir masyarakat berjiran seperti yang dinyatakan di atas sehingga memberi kesan negatif terhadap kebenaran, kesucian dan ketinggian agama Islam yang mengajar umatnya supaya menjadi sebaik-sebaik umat dan contoh teladan kepada orang lain. Hal ini disebabkan oleh perbuatan dan perilaku yang dilakukan oleh segelintir masyarakat muslim berjiran yang tidak selari dengan kebaikan ajaran agama Islam itu sendiri. Perkara ini dilihat sebagai faktor atau punca orang asli memandang serong terhadap ajaran agama Islam, menjadikan imej orang Islam bukan *role model* yang terbaik serta mereka menjauhkan diri dengan orang Islam serta jauh sekali untuk memeluk agama Islam. Situasi ini perlu diubah tanggapan negatif kepada positif daripada masyarakat orang asli terhadap ajaran Islam dan orang Islam. Aspek penting yang dicadangkan dalam kertas kerja ini ialah perubahan sikap masyarakat muslim dan menambahbaikkan lagi sikap khususnya kepada masyarakat muslim berjiran yang tinggal berdekatan dengan penempatan orang asli.

Umat Islam hendaklah sentiasa sedar dan bangun dari kelekaan dan kejahilan dengan merujuk dan memahami sejarah kedatangan nabi Muhammad saw. Baginda membawa kebenaran

agama Islam dan baginda diutuskan untuk menyempurnakan akhlak umatnya. Untuk itu, kita selaku umat nabi Muhammad saw wajib menjadikan baginda sebagai contoh ikutan dalam menunjukkan akhlak dan sikap terhadap sesama manusia sama ada seagama atau yang berlainan agama. Antara sikap yang perlu diperbaiki oleh masyarakat muslim yang berjiran berdasarkan permasalahan yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

i. Menunaikan janji

Sikap seorang muslim yang sebenar adalah menuaikan janji sesama manusia. Sikap menunaikan janji juga menghindarkan seseorang daripada tergolong dalam kumpulan munafik. Dengan ini, setiap janji melalui ucapannya akan selari dengan tindakan akan dipercayai oleh pihak-pihak lain. Apa jua janji yang berhubung dengan hutang, ketepatan hari dan masa serta barang yang hendak diberikan itu hendaklah sepertimana yang dijanji wajib ditunaikan. Tingkah laku dan sikap positif seperti menunaikan janji merupakan uslub hikmah dalam berdakwah. Hakikatnya, menunaikan janji adalah perintah Allah swt. Setia menunaikan janji adalah suatu tanggungjawab dan kewajipan yang mesti ditunaikan (Ideris Endot, 1995 : 115).

ii. Berlaku adil

Agama Islam mengajar umatnya supaya setiap kebaikan wajarlah dibalas dengan kebaikan juga. Masyarakat berjiran yang berbuat kebaikan sepertimana kebaikan yang diterima oleh orang asli amatlah digalakkkan. Hal ini disebabkan ajaran Islam tidak mengajar menganiayai atau menzalimi pihak lain, sebaliknya membalaq lebih kebaikan untuk menghargai jasa mereka. Berlaku adil dan saksama dalam urusan timbang menimbang atau sukat menyukat adalah perintah Allah swt. (Ideris Endot, 1995 : 115).

iii. Berakhlak

Masyarakat berjiran dalam kalangan orang Islam hendaklah menggambarkan kebaikan ajaran agama Islam melalui akhlak dan sikap terpuji sama ada akhlak sesama manusia atau dengan makhluk lain termasuklah alam sekitar. Akhlak sesama manusia boleh ditunjukkan dengan cara memberi perhatian dan perihatin kepada masyarakat orang asli yang memerlukan bantuan dan pertolongan. Sikap perihatin boleh dipupuk dengan memberi kesedaran terhadap hak orang lain dalam kehidupan masyarakat. Sikap ini dapat dipupuk setelah ia menjadi kelaziman dan kebiasaan sepanjang kehidupan (Fauziah Hanim, 2007). Contohnya menghantar orang asli yang memerlukan rawatan ke hospital atau ke klinik, menghulurkan sumbangan bekalan harian kepada orang asli yang benar-benar dalam kesusahan, menziarahi orang asli yang meninggal dunia dan menguruskan jenazah, bergotong royong ketika mengendalikan kenduri kahwin dan sebagainya. Dengan ini, akan terjalin hubungan silaturrahim dan kemanusiaan sesama mereka. Masing-masing akan lebih berhati-hati agar tidak menyakiti hati dan perasaan, hormat menghormati, saling meminta izin untuk tujuan penggunaan barang yang bukan milik sendiri dan sebagainya. Manakala akhlak dengan alam sekitar, masyarakat berjiran dalam kalangan orang Islam tidak memotong pokok-pokok sesuka hati dengan tujuan menjual dan mendapatkan keuntungan. Selain daripada itu, memelihara alam sekitar dengan tidak mencemari sungai atau membuang sisa kumbahan ke dalam sungai dan sebagainya. Sikap dan akhlak terpuji yang ditunjukkan oleh orang

Islam akan menghindari tanggapan negatif orang bukan Islam terhadap ajaran dan umat Islam. Berakhhlak mulia dan melakukan aktiviti kebajikan perlu dipertingkatkan dalam usaha menarik lebih ramai orang memeluk Islam (Ibrahim Che Noh, 1995:81).

iv. Menghormati anak dan isteri

Sikap menghormati jiran dan rukun tetangga dituntut di dalam ajaran agama Islam. Menghormati keluarga jiran menunjukkan Islam menyeru umatnya supaya memelihara hubungan kemanusiaan tanpa mengira bangsa dan agama. Menghormati anak dan isteri orang asli juga akan memelihara hubungan persaudaraan dan menimbulkan kepercayaan untuk terus melaksanakan kebaikan secara bersama-sama. Sehubungan ini, akan mengurangkan gejala kurang sihat kerana menjaga kehormatan orang asli dengan cara tidak menganggu mereka di jalanan dan seumpamnya. Kehidupan akan lebih tenang dan selamat apabila antara masyarakat berjiran dan orang asli saling memelihara maruah dan kehormatan. Contohnya Rasulullah saw menghalang seorang pemuda melakukan perbuatan zina ke atas seorang wanita. Ini menunjukkan Rasulullah saw menghormati wanita dan memelihara maruah wanita daripada dicederakan oleh orang yang tidak berhak ke atasnya sesuai dengan ajaran agama Islam(Abd. Ghafar Don, 2005:2).

v. Tidak Mengambil barang bukan milik kita

Agama Islam sentiasa menganjurkan umatnya agar memastikan setiap barang yang diambil bersih, suci, halal dan diredhai oleh pemiliknya. Hal ini disebabkan setiap sumber makanan yang diambil akan mempengaruhi peribadi seseorang untuk mentaati ajaran Islam, istiqamah menunaikan perintah Allah swt dan ia menentukan keberkesanan ibadah sepanjang kehidupan. Oleh itu, masyarakat yang berjiran hendaklah mengelakkan dan menjauhi perbuatan mencuri buah-buahan dan tanam-tanaman serta harta benda orang asli. Sikap ini memberi contoh teladan yang baik untuk diikuti orang lain supaya menghormati hak orang lain. Sikap ini juga menggambarkan hasil usaha seseorang wajar dirasai kenikmatan oleh tuannya sendiri tetapi bukan diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kerana ia boleh menyebabkan timbul perasaan negatif seperti marah dan dendam.

vi. Menghargai terhadap hasil usaha

Sebaik-baik manusia ialah membuat kebaikan dan memberi manfaat kepada orang lain. Contoh menghargai kebaikan dan sumbangan yang diberikan dengan mengucapkan terima kasih, membalaik setiap sumbangan dengan tindakan dan ucapan-ucapan yang menyenangkan. Keadaan ini akan memberi kesan positif kepada pengusaha agar membuat lebih banyak kebaikan dan membangkitkan usaha untuk mengembirakan orang ramai. Sebagai orang Islam, seharusnya memberi galakan dan motivasi kepada orang asli dalam berbagai bentuk supaya mereka berlumba-lumba untuk menghasilkan hasil tanaman yang lebih baik dan lebih berkualiti.

v. Bersedia membimbing dan mengajar ajaran agama Islam

Umat Islam perlu menyedari bahawa perkembangan ilmu melalui perkongsian dan bimbingan mampu membangunkan peribadi seseorang. Dengan ilmulah, dapat mencorakkan pemikiran supaya bertamadun , tidak ketinggalan dalam semua aspek kehidupan dan dihormati. Untuk itu,

masyarakat berjiran dinasihatkan supaya bersedia untuk berkongsi ilmu pengetahuan melalui pengajaran dan bimbingan seperti mengadakan kelas fardu ain kepada masyarakat orang asli pada masa dan waktu yang bersesuaian. Mereka akan berterima kasih kerana kelapangan dan kesediaan mengadakan kelas supaya lebih memahami berkenaan ajaran Islam dan memberi keyakinan diri untuk terus beramal berdasarkan kefahaman yang sebelum ini. Pemerkasaan aktiviti dakwah melalui ceramah agama, kuliah, forum dan perbincangan yang harmoni perlu diteruskan walaupun terdapat sedikit halangan atau cabaran (A'dawiya Ismail & Badlihisham Mohd. Nasir, 2010:205). Hal ini, menunjukkan keperihatinan sesama manusia untuk membentuk masyarakat berilmu, berakhlak dan bertamadun, seterusnya dapat memupuk sifat kasih sayang, hormat menghormati dan mempercayai hasil daripada amalan ilmu pengetahuan yang benar. Proses bimbingan dan mengajar dalam apa juu bentuk adalah usaha dakwah yang berterusan iaitu mengajak manusia ke arah kebaikan dan menjauhi keburukan.

4.0 Penutup

Usaha –usaha dakwah untuk mengajak dan menyeru ummah kepada jalan kebaikan tidak terhenti kerana tanpa dakwah akan menimbulkan permusuhan, kekacauan, perbalahan, kemusnahan. Allah swt mencela, memberi amaran dan peringatan tentang bala akan menimpa sekiranya masyarakat tidak didakwah atau usaha dakwah diabaikan atau ditinggalkan. Memperbaiki sikap individu muslim juga mempunyai peranan dan kepentingan agar orang Islam dan bukan Islam boleh mengikuti sikap-sikap positif dalam kehidupan. Hakikatnya, dakwah berperanan untuk *islah al-basyar* dan *islah al-mujtama'*. Ini berdasarkan kepentingan yang dikemukakan oleh Muhammad Abu Zahrah di dalam kitabnya *al-Da'wah ila al-Islam* iaitu Pertama; Dakwah adalah seruan ke arah kebaikan dan kebajikan. Kebaikan itu adalah agama Allah swt yang hak yang terkandung di dalamnya *islah al-basyar*. Kedua, Natijah dari penyampaian dakwah menjadi faktor kepada pembentukan masyarakat yang mulia sehingga apabila melihat perkara makruf mereka akan segera menyokong dan menyeru ke arahnya. Manakala kemungkaran akan segera dihalang sehingga akhirnya kebaikan sahaja yang melingkungi masyarakat tersebut dan kejahatan akan lenyap. Ketiga; *Pengabaian al-amr bi al-ma'ruf dan al-Nahi 'anil mungkar* akan meningkatkan kadar jenayah dalam masyarakat. Berleluasanya kejahatan dalam masyarakat menyebabkan segala pertimbangan, hukuman dan tindakan berdasarkan hawa nafsu dan syahwat yang akhirnya membawa kepada perpecahan (Husni Muhammad Ibrahim Ghaitas, 1985:51). Oleh itu, masyarakat berjiran beragama Islam hendaklah sering menunjukkan sikap dan akhlak yang terpuji kepada orang asli sebagai usaha dakwah dan mereka menjadikan kita sebagai *role model* dalam kehidupan ke arah yang lebih baik.

5.0 Rujukan

Abd. Ghafar Don. 1997. Peranan dakwah dalam reformasi sosial. Dlm. *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. sunt. Che Yusoff Che Mamat & Syamsul Bahri Andi Galigo. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam

Abd. Ghafar Don. 2005. Hubungan dan Aplikasi Ayat 125, Surah al-Nahl dalam konteks Dakwah Non-Muslim di Malaysia. Dlm. *Masa depan Saudara Baru*. Bangi: Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia

A'dawiya Ismail & Badlihisham Mohd. Nasir. 2010. Keberkesanan Dakwah di Kampung Masai, Johor. Dlm. *Isu Dakwah Masa Kini*. Bangi : Fakulti Pengajian Islam UKM

Berhanundin Abdullah. 1997. Sifat-sifat Pendakwah yang Terpuji. Dlm. *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. sunt. Che Yusoff Che Mamat & Syamsul Bahri Andi Galigo. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam

Fauziah Hanim Abd. Jalal. 2007. *Strategi membantu keluarga*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.

Fairuz Hafizh Othman. 2014. Faktor Perkembangan dan Halangan Dakwah Masyarakat Asli Penempatan Mukim Sungai Raia. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Islam UKM

Ghaitas, Husni Muhammad Ibrahim. 1969. *Al-Da'wah al-Islamiyyah fit-tahdi Amīr al-Mukminin 'Umar al-Khattab*. Beirūt: Dār al-Fikr

Ibrahim Che Noh. 1995. Dakwah kepada Non-Muslim. Dlm. *Dakwah Islamiah Malaysia-Masa Kini*- sunt. Sidi Gazalba & Zainab Ismail. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia

Ideris Endot. 1995. Peranan Psikologi Masyarakat Islam dalam Dakwah Islamiah. Dlm. *Dakwah Islamiah Malaysia-Masa Kini*- sunt. Sidi Gazalba & Zainab Ismail. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia

Abd.Fatar, Temubual pada 12 Jun 2014

Ramlan, Temubual pada 15 Mei 2014

Cik Nor Hasnah Hamali. Temubual pada 15 Mei 2014